

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]

SOALAN NO. 340

Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan fungsi dan peranan jangka panjang Jawatankuasa Reformasi Cukai, dan apakah manfaat ekonomi yang dapat dinikmati oleh negara dan rakyat disebalik penubuhan jawatankuasa yang dipimpin oleh bekas Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pembaharuan Cukai atau lebih dikenali dengan *Tax Reform Committee* (TRC) yang ditubuhkan pada 12 September 2018 bertujuan mengenal pasti kaedah menangani ketirisan cukai, mengenal pasti dan meneroka sumber baharu hasil cukai, mengkaji percuakaian ke atas transaksi ekonomi digital serta menyemak semula keberkesanan pemberian insentif cukai.

TRC bekerjasama rapat dengan agensi percuakaian utama iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan telah mencadangkan beberapa langkah untuk pertimbangan Kerajaan semasa proses penyediaan Belanjawan 2019, antaranya termasuk:

- i. pengenaan levi pelepasan bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara. Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan untuk menyediakan draf perundangan berkaitan pelaksanaan levi pelepasan tersebut;
- ii. pengenaan duti eksais mulai 1 Julai 2019 pada kadar 40 sen per liter ke atas dua kategori minuman bergula dikilangkan dalam bentuk pembungkusan yang sedia diminum;
- iii. Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang mula dilaksanakan pada 3 November 2018 untuk memberi peluang kepada pembayar cukai mengisytiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai termasuk akaun luar pesisir (*offshore account*). Kini PKPS telah dilanjutkan daripada 30 Jun 2019 kepada 30 September 2019; dan
- iv. sekatan masa ke atas kerugian perniagaan (*business losses*), baki elauan pelaburan semula (*reinvestment allowances*) dan baki rugi perintis (*pioneer losses*) yang tidak dapat diserap dibenarkan dibawa ke hadapan sehingga 7 tahun taksiran sahaja.

Kerajaan dan TRC kini sedang mengkaji semula struktur pemberian insentif percukaian secara menyeluruh dengan fokus diberikan kepada bidang keutamaan semasa Kerajaan. Selain itu, semakan semula juga dibuat ke atas mekanisme pemberian insentif, pemantauan ke atas syarikat yang menerima insentif dan penguatkuasaan ke atas pematuhan syarikat sebagaimana ditetapkan dalam tawaran insentif.

Selaras dengan langkah pembaharuan cukai oleh TRC di atas, Kerajaan dijangka dapat meningkatkan hasil yang boleh dibelanjakan untuk melaksanakan pembangunan ekonomi negara dan sosial untuk kebaikan dan manfaat semua rakyat.